

# Meru Raya dapat status MSC Malaysia

BH- 19/5/2007

**P**UTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam menyampaikan sijil status MSC Malaysia Cybercentre kepada Meru Raya, Perak yang menjadi sebahagian daripada projek pembangunan Taman Teknologi Perak (TTP).

Sijil disampaikan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, pada Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP), di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini. Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis dan Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Datuk Badlisham Ghazali.

Penyerahan sijil itu menandakan

pengiktirafan Kerajaan Pusat terhadap operasi Meru Raya, sekali gus membolehkan syarikat membuka pejabat di Meru Raya menikmati kemudahan disediakan MSC Malaysia. Majlis pelancaran Meru Raya dijadualkan pada suku ketiga tahun ini.

Badlisham berkata, pengiktirafan terhadap MSC Malaysia Cybercentre antara insentif diberikan kerajaan dalam usahanya memperluaskan lagi status MSC ke seluruh negara.

"MDEC akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memastikan ia mampu memenuhi keperluan pelanggan dan pelabur," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Berikutan pengiktirafan itu, KPe-

FAKTA NOMBOR

Kejayaan MSC

**RM11b**

Perolehan syarikat sehingga akhir tahun lalu

**RM3.2b**

Nilai eksport

rak INC Corporation, dilantik Kerajaan Perak sebagai 'pusat sehenti' untuk MSC Malaysia Cybercentre @ Meru Raya.

Sebelum ini, Tajol Rosli mengumumkan perancangan Perak menubuhkan Perak MSC berstatus 'Pusat Siber' di kawasan seluas 130 hektar di Bandar Meru Raya dekat Ipoh bagi melengkapkan keperluan TTP.

Katanya, status MSC akan turut diperluaskan di kawasan institusi pengajian tinggi meliputi Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak di Seri Iskandar; Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim serta Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar), Kampar.